

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 11.6.2014

SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil siasatan atas peristiwa sekumpulan NGO berdasarkan agama yang menjalankan pengajaran agama Islam terhadap murid-murid Kristian di SMK Balai Ringin, Serian, Sarawak kebelakangan ini dan apakah tindakan lanjutan yang diambil terhadap Pengetua SMK Balai Ringin tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Program Anak Angkat HALUAN (Himpunan Lepasan Institusi Pendidikan Malaysia) telah diadakan di SMK Balai Ringin, Serian, Sarawak adalah dibiayai oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Program motivasi ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pencapaian akademik di kalangan anak-anak murid dari kalangan keluarga berpendapatan kecil sekolah berkenaan. Maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak bahawa Program Anak Angkat HALUAN pada hari Sabtu 3 Mei 2014 yang melibatkan seramai 50 murid adalah program motivasi (siri kedua dari tiga siri) dan tiada unsur untuk menukar agama murid yang terlibat. Tindakan yang telah dilaksanakan oleh pihak sekolah adalah Program Anak Angkat HALUAN ini telah dihentikan.

KPM menyeru kepada semua pihak supaya menghormati dan patuh kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia; Kebebasan Asasi dalam Perkara 11 dan Perkara 12. Dalam Perlembagaan tersebut, antaranya menjelaskan bahawa agama bagi seseorang yang berumur kurang dari 18 tahun ditentukan oleh ibu bapa atau penjaganya.

Rjm44